

## **NANOPARTIKEL EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK: PENELITIAN AWAL DARIPADA PERSPEKTIF MAQĀŞID AL-SHARĪ‘AH**

### **Gold Nanoparticles in Cosmetic Products: A Preliminary Study from The Perspective of *Maqāşid al-SharĪ‘ah***

**Nurul Ainna Che Mohd Rashid\*, Nor ‘Azzah Kamri\*\*,  
Norhidayah Pauzi\***

\*Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*\*Department of Syariah and Management, Academy of Islamic Studies,  
Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

\*\*(Corresponding author) e-mail: azzah@um.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.22452/syariah.vol33no1.2>

#### **ABSTRACT**

*Gold is a highly valuable metal with diverse functions. Currently, gold is widely used in various fields, including cosmetics such as gold nanoparticles in skincare products. Therefore, the use of gold nanoparticles in facial cleansers, scrubs, and serums has sparked debate in fatwa institutions related to the cosmetics industry. However, the use of gold nanoparticles carries both benefits (maslahah) and harms (mafsadah) that require evaluation. Thus, this study aims to conduct preliminary research on the use of gold nanoparticles*

*in cosmetic products based on the maqāṣid al-sharī'ah framework, particularly focusing on the maslahah and mafsadah of their usage. For this purpose, the study employs a qualitative approach to gather literature and fatwas related to gold. This is followed by a content analysis focusing on two main themes: the maslahah and mafsadah of using gold in cosmetic products. The findings from previous studies highlight the general effects of using gold nanoparticles, which include significant benefits (maslahah) such as anti-aging properties, alongside its harms (mafsadah) such as potential health risks. However, the permissibility status issued by the Federal Territories Mufti Department and the Indonesian Ulama Council emphasizes the element of benefits (maslahah) in determining the hukm on the use of gold nanoparticle-based cosmetics for men. The study, grounded in maslahah and mafsadah, as well as textual (naqli) and rational ('aqli) evidence, is crucial to establish authoritative guidance for the welfare of the ummah and the sustainability of the halal cosmetic industry.*

**Keywords:** *gold nanoparticles, halal cosmetic, fatwa, Maqāṣid al-Sharī'ah*

### **ABSTRAK**

*Emas merupakan logam yang mempunyai nilai yang tinggi dan mempunyai kepelbagaian fungsi. Kini emas digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang, termasuk kosmetik seperti nanopartikel emas dalam produk penjagaan kulit. Oleh yang demikian, penggunaan nanopartikel emas dalam pencuci muka, scrub, dan serum telah mencetuskan perbincangan hukum dalam institusi fatwa berkaitan industri kosmetik. Namun, penggunaan nanopartikel emas itu sendiri mempunyai masalah dan mafsadahnya yang perlu dinilai. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan membuat penelitian awal berkaitan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik berdasarkan pertimbangan maqāṣid al-sharī'ah iaitu masalah dan mafsadah kesan penggunaannya. Untuk tujuan tersebut, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif bagi mengumpul literatur dan fatwa berkaitan emas. Ia disusuli dengan analisis kandungan berdasarkan dua tema utama iaitu masalah dan mafsadah kesan penggunaan emas dalam*

*produk kosmetik. Hasil analisis terhadap kajian lepas menemukan kesan penggunaan nanopartikel emas yang lebih bersifat umum, di mana ia mempunyai banyak manfaat (masalah) seperti menjadi agen anti-penuaan di samping mempunyai mafsadah seperti memberikan risiko kepada kesihatan. Namun begitu, status keharusan yang dikeluarkan oleh institusi oleh Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan dan Majlis Ugama Indonesia lebih menekankan elemen manfaat (masalah) dalam penetapan hukum penggunaan kosmetik berasaskan nanopartikel emas kepada golongan lelaki. Kajian berdasarkan masalah dan mafsadah, serta dalil naqli dan aqli ini penting untuk panduan absah demi kemaslahatan ummah dan kelestarian industri kosmetik halal.*

**Kata Kunci:** *nanopartikel emas, kosmetik halal, fatwa, Maqāsid al-Sharī'ah*

## **PENDAHULUAN**

Emas adalah logam yang murni yang digunakan sejak dari zaman berzaman, berwarna kuning yang mahal harganya, sesuatu yang tinggi mutunya dan juga mata wang.<sup>1</sup> Pada asalnya, penggunaan emas adalah sinonim dengan golongan wanita yang menjadikannya sebagai perhiasan di samping emas adalah satu aset berharga yang digunakan sebagai mata wang, pelaburan, simpanan dan sebagainya. Penggunaan emas juga digunakan lebih meluas dan banyak digunakan dalam pelbagai produk kepenggunaan.

Namun, dengan kepesatan teknologi terkini, penggunaan emas semakin bervariasi dan salah satunya digunakan dalam bentuk nanopartikel iaitu berukuran 100nm. Nanopartikel emas digunakan antaranya dalam produk kosmetik terutamanya bagi pelbagai manfaat kecantikan untuk kulit. Dalam industri juga berlaku lambakan produk yang menggunakan nanopartikel sebagai bahan campuran dalam kandungan produk mereka. Antara contoh produk yang terkenal ialah Safi Youth Gold, Biocrown (Clary Miracle), Bio-essence, Gold Brightening Facial Treatment Mask by 111Skin, Farsali 24K Rose Gold Elicir, Adore Golden Touch Magnetic Facial Mask<sup>2</sup> dan banyak lagi.

---

<sup>1</sup> Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 7 September 2024, laman sesawang <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=emas&d=175768&>.

<sup>2</sup> Ulfa Luthfia, "Super Mewah, Ini 5 Produk Kecantikan yang punya Kandungan Emas 24 Karat," laman sesawang *IDN Times*, dikemaskini 17 Mei 2018, diakses

Emas yang digunakan dalam produk kosmetik dalam bentuk nanopartikel dilihat sebagai satu bahan yang meningkatkan keanjalan dan seri kulit muka. Tidak ketinggalan juga dalam bidang perubatan yang turut menjadikan emas sebagai salah satu kaedah rawatan bagi merawat penyakit-penyakit tertentu. Pelbagai produk berasaskan kandungan emas dikomersialkan secara meluas seiring dengan perkembangan sains dan teknologi moden dan mulai menjadi tumpuan pengguna. Hal ini mencetuskan fenomena baharu terhadap permintaan penggunaan emas dalam kehidupan manusia.

Namun terdapat juga kajian-kajian berkaitan dengan kesan sampingan dalam penggunaan nanopartikel emas. Oleh yang demikian, satu penelitian awal dilakukan bagi menilai dan menyeimbangkan penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik berdasarkan *masalah* dan *mafsadah* penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik dan hukum penggunaannya kepada golongan lelaki.

## **KONSEP DAN PERKEMBANGAN PENGGUNAAN NANOPARTIKEL EMAS**

Proses pengekstrakan emas dimulakan di kawasan sekitar Varna (Bulgaria) dan dipercayai bahawa “emas yang larut” muncul sekitar abad ke-5 atau ke-4 S.M. di Mesir dan China. Ia dikenali dengan pelbagai nama seperti emas larut dan emas boleh diminum, sebelum istilah “koloid” diperkenalkan.<sup>3</sup> Emas koloid yang berwarna merah delima digunakan secara meluas untuk tujuan kosmetik, hiasan serta perubatan. Pada Zaman Pertengahan, “*aurum potable*” atau “emas boleh diminum” digunakan untuk merawat penyakit seperti artritis, masalah jantung, penyakit kelamin, disenteri, epilepsi dan tumor serta untuk diagnosis sifilis dan kaedah ini kekal digunakan sehingga abad ke-20.<sup>4</sup>

Istilah “nano” berasal dari perkataan Yunani “nanos” yang bermaksud kecil dan ia digunakan sebagai awalan untuk satu per bilion bahagian ( $10^{-9}$ ). Menurut ASTM (*American Society for Testing and Materials*) *International* pada tahun 2006, nanopartikel ialah zarah-zarah yang mempunyai dua atau

---

28 Oktober 2022, <https://www.idntimes.com/life/women/ulfa-luthfia/produk-kecantikan-yang-punya-kandungan-emas-24-karat-c1c2?page=all>

<sup>3</sup> Berasal daripada perkataan Perancis, *colle*

<sup>4</sup> Parida, Umesh Kumar, dan P. L. Nayak. “Biomedical applications of gold nanoparticles: Opportunity and challenges”, *World J Nano Sci Technol* 1 (2012): 10-25.

lebih dimensi dan berada dalam julat saiz 1-100 nm.<sup>5</sup> Justeru, nanopartikel emas didefinisikan sebagai larutan koloid stabil daripada gugusan atom emas dengan saiz antara 1-100 nm.<sup>6</sup> Namun, nanopartikel emas juga boleh hadir dalam pelbagai saiz, dari 1 nm hingga 8 µm dan juga mempunyai pelbagai bentuk seperti sfera, sub-oktahedron, oktahedron, dekahedron, ikosahedron dengan pelbagai sudut, bentuk tidak teratur, tetrahedron, nanotiga, nanoprisma, platlet heksagon dan nanorod.<sup>7</sup> Zarah ini juga digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang seperti elektronik, fotokimia, bioperubatan dan kimia. Sifat-sifat nanopartikel emas adalah berbeza daripada bentuk pepejalnya kerana emas dalam bentuk pepejal berwarna kuning dan bersifat lengai, manakala nanopartikel emas adalah larutan berwarna merah wain dan dilaporkan bersifat antioksidan. Interaksi antara partikel dan penyusunan nanopartikel emas memainkan peranan penting dalam menentukan sifat-sifat nanopartikel ini.

Pada skala nano ini, nanopartikel emas (AuNPs) memiliki ciri-ciri fizikokimia yang berbeza berbanding emas dalam bentuk pepejal, di mana contoh paling jelas adalah perubahan warna dari kuning kepada merah delima apabila emas dalam bentuk pepejal ditukar kepada bentuk nanopartikel. Warna merah delima pada nanopartikel emas ini dijelaskan melalui teori yang dipanggil “permukaan plasmonik”. Menurut teori ini, apabila gugusan atom emas terkena medan elektromagnet daripada cahaya yang datang, elektron bebas permukaan (6 elektron dalam kes nanopartikel emas) yang berada di dalam jalur pengaliran nanopartikel emas (AuNPs) berayun ke depan dan ke belakang, menghasilkan jalur plasmon yang mempunyai puncak penyerapan dalam julat cahaya tampak pada 530-540 nm.<sup>8</sup>

Saiznya yang sangat kecil ini membolehkan ia menembusi kulit dengan lebih berkesan, menjadikannya popular dalam produk penjagaan kulit seperti krim anti-penuaan, pelembap dan serum. Nanopartikel emas membantu meningkatkan kadar penyerapan bahan aktif, sekaligus meningkatkan keberkesanan produk. Namun, penggunaannya secara meluas

---

<sup>5</sup> Khan A.K. et al., “Gold Nanoparticles: Synthesis and Applications in Drug Delivery”, *Tropical Journal of Pharmaceutical Research* 13/7 (2014): 1169-1171.

<sup>6</sup> Parida, Umesh Kumar, dan P. L. Nayak. “Biomedical applications of gold nanoparticles: Opportunity and challenges”, 10-25.

<sup>7</sup> Khan A.K. et al., “Gold Nanoparticles: Synthesis and Applications in Drug Delivery”, 1169-1171.

<sup>8</sup> Parida, Umesh Kumar, dan P. L. Nayak. “Biomedical applications of gold nanoparticles: Opportunity and challenges”, 10-25.

menimbulkan kebimbangan terhadap risiko kesihatan, kesan toksikologi dan kesan jangka panjang yang belum difahami sepenuhnya.

## MAQĀṢID AL-SHARĪ‘AH: ANTARA MASLAHAH DAN MAFSADAH

Maqāṣid dari segi bahasa ialah kata jamak bagi perkataan *maqsad* yang berasal daripada perkataan *qasada* yang bermaksud kelurusan jalan (*istiqamah al-tariq*), keadilan (*al-‘adl*), rujukan dan ibu (*al-i‘timad wa al-umm*). Syariah pula mematuhi perintah dan berpegang teguh dengan *‘ubdiyyah*. Dikatakan juga ia adalah jalan dalam agama.<sup>9</sup> Selain itu, dikatakan ia bererti jalan untuk mempraktikkan agama. Maqāṣid al-sharī‘ah boleh dimaksudkan sebagai objektif dan tujuan di sebalik jalan untuk mempraktikkan agama. Dari segi istilah, al-Shatibi mengisyaratkan makna khusus bagi istilah maqāṣid al-sharī‘ah ini. Contohnya beliau menyatakan bahawa apabila digabungkan antara perkataan *al-qasd* dan *al-shar‘i*, ia akan bererti *al-iradah al-tashri‘yyah* dan *iradah al-taklif*. Kedua-dua perkataan ini membawa maksud objektif syarak di sebalik hukum-hukum.<sup>10</sup>

Selain itu, ‘Allal al-Fasi mendefinisikan maqāṣid al-sharī‘ah sebagai tujuan syariah dan rahsia yang diletakkan Tuhan pada setiap hukum-hukum.<sup>11</sup> Namun menurut Imam al-Ghazali, maqāṣid al-sharī‘ah merupakan *maslahah* iaitu yang bermaksud menjaga maksud atau tujuan syarak. Terdapat lima tujuan syarak bagi makhluk iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Setiap perkara yang bermaksud untuk menjaga kelima-lima asas ini merupakan *maslahah* dan setiap perkara yang mampu memusnahkannya adalah *mafsadah* dan menghindari *mafsadah* pula merupakan *maslahah*.<sup>12</sup> Al-Qaradawi membuat kesimpulan bahawa maqāṣid al-sharī‘ah merupakan tujuan yang ingin dicapai oleh nas syarak melalui perintah, larangan dan pilihan, serta tujuan hidup individu, keluarga dan ummah yang ingin dicapai melalui penelitian terhadap hukum-hukum cabang.<sup>13</sup>

<sup>9</sup> Muhammad al-Jurjani, Ali. *Kitab al-Ta‘rifat*, tahqiq Ibrahim al-Abyari (Dar al-Bayan li Turath, t.t), 166.

<sup>10</sup> A. Hamid, Marwan Bukhari. *Citra Maqasid al-Syariah dari Kelahiran hingga Kebangkitan* (Kuala Lumpur, Firdaus Press, 2021), 28.

<sup>11</sup> Al-Fasi, ‘Allal. *Maqāṣid Al-Sharī‘ah wa Makarimuha* (Dar al-Gharb al-Islami, 1993), 7.

<sup>12</sup> Muhammad al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. *al-Mustasfa min ‘Ilmi al-Usul* (Riyadh, Dar al-Maiman, 2011), 328.

<sup>13</sup> A. Hamid, Marwan Bukhari. *Citra Maqasid al-Syariah dari Kelahiran hingga Kebangkitan*, 29.

Oleh yang demikian, maqāsid al-sharī'ah merupakan makna-makna atau tujuan-tujuan yang hendak dicapai oleh syarak dalam setiap hukum atau sebahagian besar hukumnya, yang mana inti daripada tujuan pensyariaan tersebut adalah untuk merealisasikan kemaslahatan dan menghilangkan kemudaratan bagi manusia.<sup>14</sup> Demikian itu, konsep *maslahah* dan *mafsadah* merupakan konsep yang diguna pakai dalam Islam dan ia menjadi satu perbincangan para ulama disebabkan oleh wujudnya pelbagai situasi baru yang berlaku yang masih menjadi perdebatan berkaitan hukumnya. Fenomena yang terjadi banyak menggunakan konsep ini untuk menangani hukum Islam kontemporari. Perbincangan *maslahah* dan *mafsadah* ini juga sinonim dengan perbincangan maqāsid al-sharī'ah yang meletakkan lima konsep utama iaitu penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Hal ini adalah kerana aspek maqāsid al-sharī'ah ini adalah untuk meraikan pelbagai pihak. Namun *maslahah* adalah elemen yang paling ditekankan dalam syariah. Kaedah fiqh menyebut:

جلب المصالح ودرء المفساد

“Mengetengahkan *maslahah* dan menolak *mafsadah*”.

Aspek utama dalam penjagaan maqāsid al-sharī'ah dalam sesuatu hukum ialah mendahulukan *maslahah* dan menolak *mafsadah* apabila berlaku pertembungan antara keduanya. Namun jika kontradiksi berlaku antara dua *maslahah* atau dua *mafsadah*, maka situasi ini akan membawa kepada penyelesaian berdasarkan piawai yang jelas dan kaedah-kaedah yang ditentukan bersesuaian dengan isu yang berlaku.<sup>15</sup>

Dalam hal ini, tingkat maqāsid al-sharī'ah lazimnya dibahagikan kepada tiga iaitu *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. *Daruriyyah* adalah penjagaan *maslahah* yang mana keperluannya sampai kepada peringkat yang sangat genting dan mendesak sehingga berada dalam keadaan yang merbahaya dan mengancam agama, nyawa, harta dan kehormatan manusia. Antara elemen yang diketengahkan dalam aspek *daruriyyah* ialah penilaian sesuatu isu terhadap elemen kekuatan dan darjatnya dalam tingkat *daruriyyah* yang dibahagikan kepada lima penjagaan seperti yang diperkenalkan oleh Imam Ghazali iaitu *hifz al-din*, *hifz al-nafs*, *hifz al-'aql*,

<sup>14</sup> Anwar, Khairil, Mohd Soberi Awang, dan Mualimin Mochammad Sahid. “Maqāsid Al-Sharī'ah Menurut Imam Al-Ghazali Dan Aplikasinya Dalam Penyusunan Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia”, *Malaysia Journal Syariah & Law* 9/2 (2021): 78.

<sup>15</sup> Ahmad, Ridzwan. “Metode pentarjihan *maslahah* dan *mafsadah* dalam hukum Islam semasa”, *Jurnal Syariah* 16/1 (2008): 107-143.

*hifz al-nasl* dan *hifz al-mal*.<sup>16</sup> *Hajiyyah* pula berkaitan dengan keperluan umum dan tidak sampai ke peringkat *darurah* dan tidak pula sampai ke peringkat yang boleh mendatangkan kebinasaan. Manakala *tahsiniyyah* merujuk kepada perkara yang boleh memperelok dan menambah baik kualiti kehidupan manusia. Pada tingkat *daruriyyah*, aspek menjaga manfaat (*masalahah*) menjadi fokus berbanding *mafsadah*, baik bagi golongan wanita mahupun lelaki seperti contoh dalam isu perubatan. Penggunaan dalam rawatan seperti rawatan radioterapi yang mengandungi nanopartikel emas adalah dibenarkan untuk tujuan perubatan iaitu untuk merawat penyakit kanser. Begitu juga dengan tingkat *hajiyyah* dengan maksud untuk merawat kulit wajah yang rosak teruk atau menutup aib pada wajah atau keperluan seumpamanya. Namun bagi penggunaan pada tingkat *tahsiniyyah* adalah untuk tujuan kecantikan dan berhias.

## **MASLAHAH DAN MAFSADAH PENGGUNAAN NANOPARTIKEL EMAS DALAM PRODUK KOSMETIK**

### **1. Masalah (Manfaat) Penggunaan Nanopartikel Emas dalam Kosmetik**

Penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik membawa pelbagai manfaat yang ketara, terutamanya dalam meningkatkan kualiti dan keberkesanan produk penjagaan kulit. Nanopartikel emas terkenal dengan sifat anti-penuaan. Nanopartikel emas dapat memperbaiki jaringan yang rosak kerana ia dapat mempercepatkan proliferasi sel dan meningkatkan jumlah kolagen.<sup>17</sup> Dalam satu kajian saintifik, nanopartikel emas didapati mempercepatkan proses penyembuhan luka disebabkan oleh pertambahan kuantiti kolagen dan sel profilasi di dalam hati, ginjal dan otak. Nanopartikel emas juga memangkinkan banyak tindak balas enzim dalam biosintesis kolagen dan percambahan sel. Hal ini menjadi asas dalam penyembuhan luka termasuk penuaan kulit, kerosakan kulit disebabkan pemanasan, penyakit atau pendedahan kepada bahan kimia.<sup>18</sup> Ia juga membantu

---

<sup>16</sup> Muhammad al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, *al-Mustasfa min 'Ilmi al-Usul*, 328.

<sup>17</sup> Taufikurohmah, T., et al., "Clinical Test of Nanogold-Nanoseaweed Cosmetics for User Cosmetic Society", *Conference Paper Atlantis Highlights in Engineering I* (2018): 891-895.

<sup>18</sup> Taufikurohmah, T., A. P. Wardana, S. Tjahjani, I. G. M. Sanjaya, A. Baktir, dan A. Syahrani. "The clinical test of nano gold cosmetic for recovering skin damage due to chemicals: special case", *Journal of Physics: Conference Series*, 947/1 (2018): 4.



mengurangkan kedutan, memperbaiki tekstur kulit dan menjadikan kulit kelihatan lebih muda dan segar. Hal ini adalah kerana nanopartikel emas mempunyai keupayaan untuk menembusi kulit lebih dalam dan merangsang penghasilan kolagen, protein utama dalam kulit yang menyokong ketegangan dan keanjalan kulit.

Selain itu, antara khasiat nanopartikel emas dalam produk kosmetik ini ialah sebagai *antioksidan*, *antiaging*, *anti-acne*, melindungi kulit dari sinar UV serta memperbaiki penetrasi kulit. Fokus diberikan kepada nanopartikel emas yang dikatakan selamat digunakan dalam kosmetik kerana ukurannya sangat kecil, luas permukaannya tinggi, stabil, tidak toksik, serta memiliki sifat fizik dan kimia yang baik.<sup>19</sup>

Bukan itu sahaja, nanopartikel emas juga adalah bahan yang bersifat anti-bakteria dan bahan yang cepat berkesan. Hal ini menyebabkan nanopartikel emas banyak digunakan dalam produk ubat gigi dan deodora.<sup>20</sup> Nanopartikel emas juga dikatakan sangat berkesan dalam membasmi bakteria di dalam mulut dan juga telah ditambahkan ke dalam ubat gigi yang tertentu.<sup>21</sup> Selain itu, satu kajian klinikal yang dijalankan dengan menggunakan produk yang mengandungi nanopartikel emas menunjukkan ia boleh untuk merawat kulit yang terdedah kepada bahan kimia fenol pada muka. Maka kesan daripada hasil ini menunjukkan nanopartikel emas merupakan bahan yang sesuai untuk digunakan sebagai bahan perubatan pada masa hadapan.<sup>22</sup> Nanopartikel emas juga mempunyai sifat antioksidan yang mampu melawan radikal bebas, faktor utama yang menyebabkan kerosakan sel kulit. Selain itu, ia mempunyai kesan anti-radang yang boleh mengurangkan keradangan kulit, menjadikannya pilihan yang baik untuk mereka yang mempunyai kulit sensitif atau mudah terdedah kepada iritasi.

Kualiti dan mutu kosmetik yang mengandungi nanopartikel emas dalam serum ini mampu membuang sel kulit mati, menimbulkan efek *glowing* pada kulit wajah. Wajah terlihat lebih terawat dan mempercepat dalam

---

<sup>19</sup> Irma Rahayu Latarissa dan Patihul Husni, "Review Artikel: Aplikasi Nanopartikel Pada Sediaan Kosmetik," *Farmaka*, 14/1 (2016):105.

<sup>20</sup> Abdulazeem L. et al., "Nanoparticles in cosmetics, what we don't know about safety and hidden risk. A mini review," *Global Nest Journal* 25/1 (2023): 1-5.

<sup>21</sup> Raj, Silpa, Shoma Jose, U. S. Sumod, dan Mangalathillam Sabitha. "Nanotechnology in cosmetics: Opportunities and challenges", *Journal of Pharmacy and Bioallied Sciences* 4/3 (2012): 186-193.

<sup>22</sup> Taufikurohmah, T., A. P. Wardana, S. Tjahjani, I. G. M. Sanjaya, A. Baktir, dan A. Syahrani. "The Clinical Test Of Nano Gold Cosmetic For Recovering Skin Damage Due To Chemicals: Special Case", 2.

penyembuhan luka.<sup>23</sup> Selain itu, keupayaan nanopartikel emas untuk menembusi lapisan kulit yang lebih dalam membantu dalam penyampaian nutrien secara lebih berkesan. Ia juga berfungsi sebagai pembawa bahan-bahan aktif lain dalam produk kosmetik seperti vitamin dan peptida, meningkatkan penyerapan dan memberikan kesan yang lebih ketara.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Yelvia Reza menunjukkan pengguna yang mengikuti langkah-langkah yang disarankan doktor akan memiliki kulit yang cerah dan terawat. Pemakaian serum yang mengandungi nanopartikel emas secara rutin akan mendapatkan kulit yang awet muda. Ini kerana salah satu manfaat pemakaian emas murni tanpa campuran logam yang telah hilang zat bahayanya serta mengandungi banyak vitamin C adalah bagus untuk kesihatan kulit.<sup>24</sup> Selain itu, kajian Taufikurohmah et al. telah menemukan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik berhasil merawat kulit yang rosak akibat penggunaan kimia secara berlebihan pada kulit. Kajian telah dijalankan ke atas pesakit selama dua bulan di mana perubahan kulit pesakit akan direkod seminggu sekali dan hasilnya kulit pesakit telah kembali pulih seperti sedia kala dalam masa lapan minggu.<sup>25</sup>

Nanopartikel emas dalam produk kosmetik memberikan tekstur yang lebih ringan dan penampilan yang lebih estetik. Pengguna lebih tertarik kepada produk yang memberikan pengalaman penggunaan yang baik, dengan tekstur lembut dan tidak melekit, sekaligus meningkatkan permintaan dalam pasaran kosmetik.

## **2. Mafsadah (Kemudaratan) Penggunaan Nanopartikel Emas dalam Kosmetik**

Walaupun nanopartikel emas menawarkan pelbagai manfaat, ia juga datang dengan risiko *mafsadah* yang perlu diberi perhatian, terutamanya berkaitan keselamatan kepada pengguna. Kajian menunjukkan bahawa nanopartikel emas boleh menembusi lapisan kulit dan berpotensi memasuki peredaran darah, menyebabkan keracunan sistemik jika terdedah dalam kuantiti yang banyak atau dalam jangka masa yang lama. Ketoksikan nanopartikel terutama berkaitan penghasilan oksigen reaktif, termasuk radikal bebas

---

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Reza, Yelvia. "Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktek Pemakaian Kosmetik Yang Mengandung Ekstrak Emas Bagi Kaum Laki-Laki Di R-Klinik Bengkulu". Tesis Phd, IAIN Bengkulu, 2021.

<sup>25</sup> Taufikurohmah, T., A. P. Wardana, S. Tjahjani, I. G. M. Sanjaya, A. Baktir, dan A. Syahrani. "The Clinical Test Of Nano Gold Cosmetic For Recovering Skin Damage Due To Chemicals", 4.

boleh menyebabkan tekanan oksidatif, keradangan serta kerosakan pada protein, membran dan DNA. Hal ini adalah disebabkan saiz nanopartikel ini yang mudah menembusi aliran darah melalui kulit atau penyedutan dan kemudian akan dihantar ke pelbagai organ.<sup>26</sup> Selain itu, antara kesan negatif penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik adalah zarah yang lebih kecil yang reaktif, memberi kesan toksik, boleh mendatangkan mudarat terhadap manusia dan alam sekitar serta tiada peraturan keselamatan klinikal.<sup>27</sup>

Di samping itu, penggunaan emas dalam kosmetik juga boleh mendatangkan kemudaratan kepada kesihatan pengguna. Penembusan nanopartikel emas dalam setiap membran yang tumbuh dilihat mampu masuk ke dalam aliran darah dan masuk ke dalam otak sehingga menyebabkan penyumbatan, kelumpuhan dan juga kematian.<sup>28</sup> Selain itu, penggunaan nanopartikel emas juga dikatakan mampu menembusi kulit dan masuk ke dalam saluran darah manusia yang memberikan kesan buruk kepada kesihatan manusia. Hal ini memberi kesan kepada sistem kardiovaskular lelaki terutamanya, kerana menurut ahli sains tekstur kulit lelaki berbeza dengan perempuan dari segi penerimaan nanopartikel emas ini.<sup>29</sup>

Selain itu, bagi individu yang mempunyai kulit sensitif, nanopartikel emas berpotensi menyebabkan iritasi atau reaksi alergi. Sesetengah pengguna mungkin mengalami ruam, kemerahan atau gatal-gatal apabila terdedah kepada produk yang mengandungi nanopartikel emas. Oleh itu, pengguna perlu berhati-hati dan memastikan mereka tidak mempunyai sejarah alergi terhadap bahan-bahan logam sebelum menggunakan produk sedemikian.

Di samping itu, produk yang mengandungi nanopartikel emas biasanya lebih mahal berbanding produk kosmetik biasa. Ini menimbulkan isu pembaziran harta jika keberkesannya tidak sepadan dengan kos yang

---

<sup>26</sup> Reza, Yelvia. "Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktek Pemakaian Kosmetik Yang Mengandung Ekstrak Emas Bagi Kaum Laki-Laki Di R-Klinik Bengkulu".

<sup>27</sup> Abdulazeem L. et al., "Nanoparticles in cosmetics, what we don't know about safety and hidden risk, 1-5.

<sup>28</sup> Lisette Hilton, "Nanotechnology and cosmeceuticals: The good, the bad and the dangerous", dikemas kini pada 20 Oktober 2018, laman sesawang <https://www.dermatologytimes.com/view/nanotechnology-and-cosmeceuticals-good-bad-and-dangerous>

<sup>29</sup> Doni Anshar Nuari, "Si Kuning Dan Kesuburan Pria", laman sesawang Fakultas MIPA, dicapai 30 Oktober 2024, <https://fmipa.uniga.ac.id/read/2020/10/si-kuning-dan-kesuburan-kaum-pria.html>.

dikeluarkan. Purata harga barangan kosmetik yang berunsurkan emas ini adalah sekitar RM75 hingga menjadi RM120 bagi setiap produk.<sup>30</sup> Hal ini menunjukkan kos yang agak tinggi bagi golongan masyarakat sederhana namun tidak bagi masyarakat yang bertaraf tinggi.

Selain itu, penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik ini masih merupakan bidang kajian yang baru dan kesan jangka panjangnya ke atas manusia belum difahami sepenuhnya.<sup>31</sup> Ketidakpastian ini menimbulkan risiko kepada pengguna yang menggunakan produk ini secara berterusan. Oleh itu, sikap berhati-hati perlu diamalkan sehingga lebih banyak kajian mendalam dijalankan mengenai kesan jangka panjang penggunaan nanopartikel emas. Di Eropah, bahan nano ini dikatakan telah mula dikaji sejak tahun 2002 lagi.<sup>32</sup> Hasil kajian membawa kepada larangan EC (*European Community*) untuk meletakkan produk kosmetik yang mengandungi bahan nano di pasaran EU (*European Union*). Justeru, produk-produk ini tidak lagi akan tersedia di EU mulai November 2025 kerana ia mempunyai kesan negatif yang menimbulkan kesan kepada kesihatan. Hal ini adalah berkait dengan isu keselamatan nanopartikel yang digunakan dalam kosmetik kerana ketoksikan penggunaan nanomaterial tidak diketahui sepenuhnya. Bahan nano yang dilarang oleh *Scientific Committee on Consumer Safety* (SCCS) menyatakan terdapat data yang “tidak mencukupi” untuk menilai keselamatan bahan nano tertentu. Bahan nano tersebut termasuk kopolimer stirena/akrilat dan kopolimer natrium stirena/akrilat, tembaga dan tembaga koloid, perak koloid, emas, emas koloid, emas thioethylamino asid hyaluronik dan asetil heptapeptida-9 emas koloid, platinum, platinum koloid dan asetil tetrapeptida-17 platinum koloid. Sebatian yang dilarang ini turut ditandai oleh EC (*European Commission*) sebagai “risiko berpotensi” kepada kesihatan manusia.<sup>33</sup>

---

<sup>30</sup> Abd Rahman, Zaharuddin, “Perbincangan Hukum Kosmetik dengan Serbuk Emas”, dikemas kini pada 2 November 2009, dicapai pada 15 November 2024, laman sesawang <http://zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/886-perbincangan-hukum-kosmetik-dengan-serbuk-emas.html>.

<sup>31</sup> Khlebtsov, Nikolai, dan Lev Dykman. "Biodistribution And Toxicity Of Engineered Gold Nanoparticles: A Review Of In Vitro And In Vivo Studies." *Chemical Society Reviews* 40/3 (2011): 1647-1671.

<sup>32</sup> Venya Patel, “EU Restriction Of Specific Nanomaterials In Cosmetics Elicits Calls For Advanced Screening”, dikemas kini pada 15 April 2024, laman sesawang <https://www.personalcareinsights.com/news/eu-restriction-of-specific-nanomaterials-in-cosmetics-elicits-calls-for-advanced-screening.html>.

<sup>33</sup> *Ibid.*

## FATWA SEMASA BERKAITAN PENGGUNAAN EMAS

Perkembangan penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik memerlukan penelitian daripada hukum syarak. Dalam hal ini, badan-badan fatwa dari pelbagai negara telah mengeluarkan pandangan hukum berkaitan dengan penggunaan emas yang bersifat semasa. Sungguhpun begitu, kebanyakan fatwa tersebut tidak menyentuh secara spesifik penggunaan emas sebagai bahan dalam kosmetik selain daripada negara Indonesia. Ringkasan fatwa adalah seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Fatwa Antarabangsa Berkaitan Penggunaan Emas

Institusi Fatwa	Aspek Hukum		
	Muamalat	Zakat	Kepenggunaan
Dar Ifta' (Mesir) <sup>34</sup>	✓	✓	✓
Jabatan Mufti Brunei <sup>35</sup>	✓		✓
Darul Fatwa (Australia) <sup>36</sup>		✓	
Fatwa Saudi <sup>37</sup>	✓		✓
Darul Ifta (Darul Uloom Deoband-India) <sup>38</sup>	✓	✓	✓
Majlis Ulama Indonesia <sup>39</sup>			✓

Sumber: Analisis Penulis

Fatwa Dar Ifta' Mesir berkaitan penggunaan emas lebih menyentuh berkaitan pemakaian cincin, gelang, perhiasan dan cermin mata yang diperbuat daripada emas, di mana hukumnya adalah haram bagi lelaki namun diharuskan bagi wanita.<sup>40</sup> Selain itu, hukum haram berkaitan

<sup>34</sup> "Dar Ifta", dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.daralifta.org/ar/search>

<sup>35</sup> "Pelita Brunei", dicapai pada 10 Oktober 2024 laman sesawang <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Agama/Irsyad%20Hukum.aspx#InplvievHash58170a79-e30e-45fc-9cae-db6b6e9fd603=>

<sup>36</sup> "Darul Fatwa", dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.darulfatwa.org.au/en/?s=gold>

<sup>37</sup> "Fatwa-Online", dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.fatwa-online.com/?s=gold>

<sup>38</sup> "Dar Ifta-Darul Uloom Deoband, India", dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://darulifta-deoband.com/en>

<sup>39</sup> "Majlis Ulama Indonesia", dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://mui.or.id/info-fatwa>

<sup>40</sup> Syeikh 'Allam Nador, "Hukum Memakai Cermin Mata daripada Emas", dicapai 30 Oktober 2024, laman sesawang Dar Ifta', <https://shorturl.at/Z3KXU>

pemakaian rantai daripada emas kepada lelaki manakala harus bagi rantai yang diperbuat daripada perak jika ia tidak menyerupai ciri kewanitaan.<sup>41</sup> Namun, hukum memakai jam yang mempunyai jarum yang diperbuat daripada emas adalah dibenarkan kepada lelaki kerana kandungan emas yang amat sedikit dan ia tidak dianggap sebagai barang perhiasan yang mengandungi emas secara keseluruhan namun hanya sebahagian daripadanya sahaja.<sup>42</sup>

Selain itu, irsyad hukum yang dikeluarkan oleh negara Brunei berkaitan hukum lelaki memakai cincin daripada platinum menyatakan bahawa harus memakainya kerana platinum bukan terdiri daripada emas.<sup>43</sup> Fatwa di Australia tidak mengeluarkan sebarang hukum berkaitan penggunaan emas secara umum atau khusus. Namun, Institusi Fatwa di Saudi mengeluarkan fatwa berkaitan hukum memakai barangan kemas dalam majlis dan acara-acara. Maka jawapannya ialah dibenarkan bagi wanita selama mana tiada lelaki yang bukan mahram melihatnya.<sup>44</sup>

Di samping itu, terdapat juga fatwa berkenaan dengan penjualan cincin emas untuk kegunaan lelaki. Maka, hukumnya adalah haram kerana pemakaian emas adalah dilarang kepada kaum lelaki.<sup>45</sup> Institusi fatwa Dar Ifta' di Deoband, India juga mengeluarkan beberapa fatwa berkaitan dengan pemakaian perhiasan dan cincin bagi lelaki selain daripada perak adalah diharamkan bahkan perak tidaklah boleh melebihi 3.5 gram. Maka, diharamkan perhiasan yang diperbuat daripada emas, platinum atau berlian<sup>46</sup>.

---

<sup>41</sup> Syauqi Ibrahim 'Allam, "Hukum Lelaki Memakai Rantai dari Emas atau Perak", dicapai 30 Oktober 2024, laman sesawang Dar Ifta', <https://shorturl.at/HOM1K>

<sup>42</sup> Syauqi Ibrahim 'Allam, "Hukum Memakai Jam Tangan yang Mempunyai Jarum daripada Emas Kepada Lelaki", dicapai 30 Oktober 2024, laman sesawang Dar Ifta', <https://shorturl.at/TpmlQ>

<sup>43</sup> Irsyad Hukum, "Bolehkah Lelaki Memakai Cincin Platinum", dikemas kini pada 15 Disember 2015, laman sesawang <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Agama/NewDisplayForm.aspx?ID=255&ContentTypeId=0x0100F6D57A3EFF61B0428F673FEADAB5CF1E>

<sup>44</sup> Abu 'Abdullaah, "Wearing Gold Jewellery", dikemas kini pada 3 Mei 2016, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.fatwa-online.com/wearing-gold-jewellery/>

<sup>45</sup> Abu 'Abdullaah, "Selling Gold Rings Made for Men", dikemas kini pada 3 Januari 2014, laman sesawang <https://www.fatwa-online.com/selling-gold-rings-made-for-men/>

<sup>46</sup> "Men Wears Platinum or Silver Ring with Diamond", dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang [https://darulifta\\_deoband.com/home/en/clothing-lifestyle/20660](https://darulifta_deoband.com/home/en/clothing-lifestyle/20660)

Bagi Majelis Ulama Indonesia (MUI), fatwa yang lebih jelas berkaitan penggunaan nanopartikel emas dalam kosmetik kepada lelaki telah dikeluarkan. Berikut adalah sebahagian petikan fatwa Penggunaan Partikel Emas Dalam Produk Kosmetika Bagi Laki-Laki yang dikeluarkan oleh MUI:

*a. Hasil riset industri kosmetik modern mampu memproduksi kosmetik yang mengandung partikel emas. Adapun prosesnya adalah berasal dari bentuk garam emas (yang biasa ditemukan di alam), kemudian direduksi sehingga didapatkan partikel emas murni (Au), kemudian diproses lanjut sehingga dihasilkan partikel emas murni (Au) dalam ukuran yang sangat kecil (nano partikel). Partikel emas ini kemudian dilarutkan dalam bahan cair. Larutan itulah yang disebut dengan colloidal gold (koloid emas). Koloid emas ini dipakai sebagai bahan kosmetik, misalnya cream. Namun, pemakaiannya sangat kecil, yaitu 0,005%-0,01% saja. Yang lainnya adalah bahan lain yang umum dipakai untuk pembuatan cream. Dengan penambahan partikel emas dalam kosmetik terbukti dapat mencegah efek penuaan di kulit karena senyawa bahan ini dapat menstimulasi pertumbuhan kolagen secara alami.*

*b. Disengaja atau tidak, manusia (baik laki-laki maupun perempuan) juga dapat terpapar emas dalam bentuk mineral dari alam dalam kehidupan sehari-hari.*

Maka dengan itu, MUI memutuskan bahawa penggunaan kosmetik yang mengandungi bahan partikel emas bagi lelaki hukumnya dibolehkan dengan ketentuan seperti berikut<sup>47</sup>:

*a. dimaksudkan untuk kepentingan yang dibolehkan secara syar'i.*

*b. ada kemanfaatan dan aspek bahaya (mudarat) dalam penggunaan partikel emas telah hilang (tidak membahayakan).*

Di Malaysia, institusi fatwa berada di bawah bidang kuasa setiap negeri. Justeru, terdapat 14 buah institusi fatwa di Malaysia dan satu Jawatankuasa Muzakarah Majelis Kebangsaan Bagi Hal Ehwat Ugama Islam Malaysia yang

---

<sup>47</sup> Majelis Ulama Indonesia, "Penggunaan Partikel Emas dalam Produk Kosmetika bagi Laki-Laki", laman sesawang *Majelis Ulama Indonesia*, dicapai 27 Disember 2023, <https://mui.or.id/baca/fatwa/penggunaan-partikel-emas-dalam-produk-kosmetika-bagi-laki-laki>

merupakan badan pengeluar fatwa di peringkat kebangsaan atas apa-apa perkara yang dirujuk kepadanya oleh Majlis Raja-Raja di peringkat federal.<sup>48</sup> Jadual 2 memaparkan ringkasan fatwa-fatwa berkaitan penggunaan emas mengikut negeri-negeri di Malaysia.

Jadual 2: Fatwa Tempatan Berkaitan Penggunaan Emas

Institusi Fatwa	Aspek			
	Muamalat	Zakat	Kepenggunaan	Wakaf
Wilayah Persekutuan	✓	✓	✓	
Terengganu		✓	✓	
Pahang	✓		✓	
Pulau Pinang	✓			
Negeri Sembilan			✓	
Selangor			✓	
Kedah			✓	
Perak				✓
Perlis		✓	✓	
Sabah			✓	
Sarawak	✓		✓	

Sumber: Analisis Penulis

Berdasarkan jadual 2, dapat disimpulkan bahawa jabatan mufti di peringkat negeri mengeluarkan fatwa berkaitan emas dalam aspek yang pelbagai iaitu muamalat, zakat, kepenggunaan dan wakaf. Demikian itu, terdapat sembilan buah jabatan mufti yang mengeluarkan hukum berkaitan dengan isu emas dalam aspek kepenggunaan. Namun begitu, fatwa yang spesifik menyebut berkaitan penggunaan emas dalam kosmetik hanyalah fatwa Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan.

Pada 20 April 2023, Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan (JMWP) telah mengeluarkan fatwa berkaitan hukum lelaki menggunakan produk penjagaan kulit yang mengandungi emas. Antara kandungan fatwa adalah seperti berikut:

1. *Hukum menggunakan produk penjagaan kulit yang mengandungi emas sama ada berbentuk hablur, sabun, masker dua puluh empat (24) karat atau apa-apa bentuk lain sekiranya*

<sup>48</sup> “Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia”, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar\\_belakang/penubuhan](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan).



*produk tersebut mengandungi kuantiti emas yang banyak adalah haram bagi lelaki.*

*2. Walau apa pun perenggan 1, penggunaan produk penjagaan kulit yang mengandungi kuantiti emas yang lebih banyak daripada bahan lain adalah harus bagi lelaki bagi maksud merawat kulit wajah yang rosak teruk atau menutup aib pada wajah kerana termasuk dalam kategori hajiyyah (keperluan).*

*3. Produk penjagaan kulit yang mengandungi kuantiti emas yang sangat sedikit adalah harus digunakan bagi lelaki walaupun tanpa apa-apa hajiyyah (keperluan). Ukuran kadar yang sangat sedikit ialah apabila emas tidak boleh dipisahkan daripada kandungan bahan lain dengan apa-apa cara seperti peleburan dan seumpamanya.*

## **ANALISIS FATWA PENGGUNAAN EMAS DALAM KOSMETIK BERDASARKAN MAQĀṢID AL-SHARĪ'AH**

Berdasarkan perbincangan di atas, ringkasan kepada kedua-dua fatwa JMWP dan MUI dapat dirumuskan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 3: Sighah Fatwa antara JMWP dan MUI

<b>Hukum</b>	<b>Institusi</b>	
	<b>JMWP</b>	<b>MUI</b>
Harus	Produk penjagaan kulit yang mengandungi kuantiti emas yang lebih banyak daripada bahan lain adalah harus bagi lelaki bagi maksud merawat kulit wajah yang rosak teruk atau menutup aib pada wajah.	1. Harus Digunakan untuk kepentingan yang dibolehkan secara syar'i. 2. Ada kemanfaatan dan aspek bahaya (mudarat) dalam penggunaan partikel emas telah hilang (tidak membahayakan).
Haram	Mengandungi kuantiti emas yang banyak.	Tidak dinyatakan.

Sumber: Analisis Penulis

Merujuk kepada Jadual 3, terdapat sedikit perbezaan dalam penekanan aspek fatwa di kedua-dua negara. JMWP menyatakan mengenai hukum lelaki menggunakan produk penjagaan kulit yang mengandungi emas adalah haram jika kuantiti emas itu adalah banyak, namun harus hukumnya jika lelaki tersebut menggunakannya untuk merawat kulit wajah yang rosak teruk atau menutup aib pada wajah. Hal ini berbeza dengan MUI yang

mengharuskan penggunaan emas dalam produk kosmetik kepada golongan lelaki kerana nanopartikel itu kuantitinya yang sedikit dan dapat memberikan manfaat kepada pengguna. Manakala hukum haram tidak dinyatakan secara jelas di dalam *sighah* fatwa di Indonesia, namun ia menerangkan sebab kepada keharusan penggunaan nanopartikel emas ini. Hal ini adalah kerana ia berukuran dengan sangat kecil (nanopartikel) dan dilarutkan dalam bahan cair. Larutan inilah yang kemudiannya digunakan sebagai bahan kosmetik. Justeru, elemen maqāsid al-sharī‘ah diambil kira dalam penetapan kedua-dua fatwa tersebut. Walaupun hukum penggunaan emas dalam produk kosmetik yang difatwakan oleh JMWP dan MUI adalah harus, namun keharusannya bukanlah bersifat mutlak.

Jika dilihat dalam aspek pendalilan, pengharaman bagi penggunaan emas bagi lelaki banyak disebut di dalam hadis-hadis antaranya ialah:

Penggunaan emas bagi perhiasan pada asalnya adalah haram bagi lelaki kerana ‘illah menyerupai perempuan. Hadis Rasulullah SAW menyatakan bahawa:

إن نبي الله صلى الله عليه وسلم أخذ حريرا فجعله في يمينه وأخذ ذهباً فجعله في شماله ثم قال إن هذين حرام علي ذكور أمتي  
“*Sesungguhnya Nabi SAW mengambil sutera dan memegangnya dengan tangan kanannya, dan emas di tangan kirinya, kemudian bersabda: Sesungguhnya dua benda ini haram ke atas umatku yang lelaki*”.<sup>49</sup>

Selain itu, satu peristiwa yang dicatatkan dalam hadis baginda Nabi Muhammad SAW melalui peristiwa seorang sahabat yang memakai cincin emas dan kemudiannya dibuang oleh baginda Nabi Muhammad SAW. Peristiwa ini dicatatkan di dalam hadis:

أن رسول الله صلى الله عليه وسلم رأى خاتماً من ذهب في يد رجل فنزعه وطره وقال: أيعمد أحدكم إلى جمرة من نار فيجعلها في يده فقيل للرجل بعدما ذهب صلى الله عليه وسلم: خذ خاتمك فانتفع به، قال: لا والله لا آخذُهُ أبداً وقد طرَحَهُ رسولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ  
“*Nabi Muhammad SAW melihat cincin emas di tangan seorang lelaki, lalu baginda mencabut dan membuangnya sambil*

<sup>49</sup> Ahmad, *Musnad Imam Ahmad*, vol 2, (Bayrūt: Mu’assasah al-Risalah, 1998), 250, ḥadīth no. 935.

*berkata: 'Adakah salah seorang daripada kamu sengaja mengambil bara api neraka dan meletakkannya di tangannya?' Selepas Nabi SAW pergi, orang ramai berkata kepada lelaki itu: 'Ambillah cincinmu dan manfaatkanlah ia. Lelaki itu menjawab: 'Demi Allah, saya tidak akan mengambilnya lagi kerana ia telah dibuang oleh Rasulullah SAW''*<sup>50</sup>

Hadis ini jelas menunjukkan larangan Rasulullah SAW kepada golongan lelaki daripada menggunakan emas dan sutera kerana ia adalah perhiasan khusus yang diharuskan kepada golongan wanita seperti cincin, gelang dan sebagainya.

Selain itu, terdapat juga beberapa tempat yang dikecualikan penggunaan emas kepada lelaki seperti yang dinyatakan di dalam kitab *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu* karangan Syeikh Muhammad al-Zuhaili.<sup>51</sup> Antara yang dinyatakan adalah:

1. Pembuatan hidung jika terpotong, gigi jika tercabut. Harus penggunaannya dari emas dan perak menurut Jumhur. Namun, Imam Abu Hanifah (150H) berkata: Tidak boleh membaiki gigi dengan emas namun boleh dengan perak. Selain itu, ashab hanafiyyah berkata: Tiada masalah jika menggunakan paku emas untuk memperbaiki batu cincin, kerana itu merupakan bahagian darinya. Imam al-Syafie (204H) menyatakan bahawa haram menggunakan gigi emas ke atas lelaki.
2. Alat penyaduran dengan emas dan perak jika sedikit (tidak terbentuk jika diletakkan di atas api).
3. Imam Abu Hanifah (150H) mengharuskan minum dan berwuduk dalam bekas yang dihiasi dengan perak, menunggang di atas pelana yang dihiasi perak, duduk di atas tilam yang dihiasi perak.

Hukum penggunaan emas kepada lelaki ini secara umumnya dapat dikategorikan kepada dua iaitu **haram sepenuhnya** jika digunakan sebagai perhiasan dan jika saduran yang mengandungi kuantiti emas yang banyak. Kadar yang banyak ialah sekiranya perhiasan tersebut dileburkan di atas api, maka emas itu dapat dipisahkan daripada besi atau peralatan yang digunakan. **Namun, hukum boleh berubah menjadi harus bersyarat penggunaannya kepada lelaki ketika mudarat dan saduran mempunyai**

<sup>50</sup> Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 5 (Dār al-Tuq al-Najat, 2013), 149, Bāb Tahrim Khatam al-Dhahab ‘ala Rijal, ḥadīth no. 2090.

<sup>51</sup> Muhammad al-Zuhaili, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, (Damsyik: Dar al-Fikr), 10.

**kuantiti emas yang sedikit** iaitu jika ditempa logamnya pada api, maka ia tidak memberikan kesan dan tidak terpisah.

Oleh yang demikian, hujah pengharusan bagi penggunaan emas terhadap lelaki dalam produk kosmetik adalah bersandarkan kepada penggunaan saduran emas dalam barangan seperti sarung pedang pada ketika dahulu yang dibenarkan penggunaannya kepada lelaki. Tambahan pula, nanopartikel emas adalah dalam bentuk cecair yang mana kandungan emas ini tidak dilihat dalam mata kasar. Oleh itu, penggunaan nanopartikel emas dalam produk kosmetik diharuskan kepada golongan lelaki oleh institusi fatwa dan diberi syarat “jika berada dalam peringkat *hajiyyah* dan untuk tujuan menutup aib”. Namun begitu, pada pandangan penulis, penggunaan produk kosmetik hanyalah pada peringkat *tahsiniyyah* iaitu untuk tujuan kecantikan dan berhias. Oleh yang demikian, penggunaan emas tetap haram kepada lelaki kerana dalil pengharaman penggunaan emas kepada lelaki bersifat umum. Meskipun kandungan emasnya mungkin dalam kuantiti yang sedikit, namun tindakan menghindari penggunaannya dalam kalangan lelaki dapat mengelak kemudaratan yang lebih besar iaitu penyalahgunaan secara berleluasa dan bertentangan dengan fitrah lelaki.

## **PENGHARGAAN**

Penulis merakamkan sekalung penghargaan kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi yang telah membiayai penyelidikan ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental, FRGS/1/2023/SS01/UM/02/3 sehingga terhasilnya artikel ini.

## **RUJUKAN**

- “Dar Ifta”, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.dar-alifta.org/ar/search>
- “Dar Ifta-Dar Ulum Deoband, India”, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://darulifta-deoband.com/en>
- “Darul Fatwa”, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.darulfatwa.org.au/en/?s=gold>
- “Fatwa-Online”, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.fatwa-online.com/?s=gold>
- “Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia “, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang [http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar\\_belakang/penubuhan](http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/latar_belakang/penubuhan).

- “Majlis Ugama Indonesia”, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://mui.or.id/info-fatwa>
- “Men Wears Platinum or Silver Ring with Diamond”, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://darulifta.deoband.com/home/en/clothing-lifestyle/20660>
- “Pelita Brunei”, dicapai pada 10 Oktober 2024 laman sesawang <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Agama/Irsyad%20Hukum.aspx#InplviewHash58170a79-e30e-45fc-9cae-db6b6e9fd603=>
- A. Hamid, Marwan Bukhari, *Citra Maqasid al-Syariah dari Kelahiran hingga Kebangkitan* (Kuala Lumpur: Firdaus Press, 2021).
- Abd Rahman, Zaharuddin, “Perbincangan Hukum Kosmetik dengan Serbuk Emas”, dikemas kini pada 2 November 2009, dicapai pada 15 November 2024, laman sesawang <http://zaharuddin.net/senarai-lengkap-artikel/3/886-perbincangan-hukum-kosmetik-dengan-serbuk-emas.html>
- Abdulazeem L. et al., “Nanoparticles in cosmetics, what we don’t know about safety and hidden risk. A mini review,” *Global Nest Journal* 25/1 (2023):1-5.
- Abu ‘Abdullaah, “Selling Gold Rings Made for Men”, dikemas kini pada 3 Januari 2014, laman sesawang <https://www.fatwa-online.com/selling-gold-rings-made-for-men/>
- Abu ‘Abdullaah, “Wearing Gold Jewellery”, dikemas kini pada 3 Mei 2016, dicapai pada 10 Oktober 2024, laman sesawang <https://www.fatwa-online.com/wearing-gold-jewellery/>
- Ahmad, Ridzwan. “Metode Pentarjihan Masalah Dan Mafsadah Dalam Hukum Islam Semasa,” *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008): 107-143.
- Ahmad, *Musnad Imam Ahmad*, vol 2, (Bayrūt: Mu’assasah al-Risalah, 1998).
- Anwar, Khairil, Mohd Soberi Awang, dan Mualimin Mochammad Sahid. “Maqāṣid Al-Sharī‘Ah Menurut Imam Al-Ghazali Dan Aplikasinya Dalam Penyusunan Kompilasi Hukum Islam Di Indonesia,” *Malaysia Journal Syariah & Law* 9/ 2 (2021): 78-86
- Doni Anshar Nuari, “Si Kuning Dan Kesuburan Pria”, laman sesawang Fakultas MIPA, dicapai 30 Oktober 2024, <https://fmipa.uniga.ac.id/read/2020/10/si-kuning-dan-kesuburan-kaum-pria.html>

- Al-Fasi, ‘Allal, *Maqāṣid al-Sharī‘ah wa Makarimuha* (Dar al-Gharb al-Islami, 1993).
- Irma Rahayu Latarissa dan Patihul Husni, “Review Artikel: Aplikasi Nanopartikel Pada Sediaan Kosmetik,” *Farmaka*, 14/1 (2016):105-113.
- Irsyad Hukum, “Bolehkah Lelaki Memakai Cincin Platinum”, dikemas kini pada 15 Disember 2015, laman sesawang <https://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Agama/NewDisplayForm.aspx?ID=255&ContentTypeId=0x0100F6D57A3EFF61B0428F673FEADAB5CF1E>
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, diakses pada 7 September 2024, laman sesawang <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=emas&d=175768&>.
- Khan A.K. et al., “Gold Nanoparticles: Synthesis and Applications in Drug Delivery,” *Tropical Journal of Pharmaceutical Research* 13/7 (2014): 1169-1171.
- Khlebtsov, Nikolai, dan Lev Dykman. “Biodistribution And Toxicity Of Engineered Gold Nanoparticles: A Review Of In Vitro And In Vivo Studies,” *Chemical Society Reviews* 40/3 (2011):1647-1671.
- Lisette Hilton, “Nanotechnology and cosmeceuticals: The good, the bad and the dangerous”, dikemas kini pada 20 Oktober 2018, laman sesawang <https://www.dermatologytimes.com/view/nanotechnology-and-cosmeceuticals-good-bad-and-dangerous>
- Majelis Ulama Indonesia, “Penggunaan Partikel Emas dalam Produk Kosmetika bagi Laki-Laki”, laman sesawang *Majelis Ulama Indonesia*, dicapai 27 Disember 2023, <https://mui.or.id/baca/fatwa/penggunaan-partikel-emas-dalam-produk-kosmetika-bagi-laki-laki>
- Muhammad al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad, *al-Mustasfa min ‘Ilmi al-Usul* (Riyadh: Dar al-Maiman, 2011).
- Muhammad al-Jurjani, Ali *Kitab al-Ta’rifat*, tahqiq Ibrahim al-Abyari. (Dar al-Bayan li Turath, t.t).
- Muslim, *Ṣaḥīḥ Muslim*, vol. 5, (Dār al-Tuq al-Najat, 2013).
- Parida, Umesh Kumar dan P. L. Nayak. "Biomedical applications of gold nanoparticles: Opportunity and challenges," *World J Nano Sci Technol* 1 (2012): 10-25.

- Raj, Silpa, Shoma Jose, U. S. Sumod, dan Mangalathillam Sabitha. "Nanotechnology in cosmetics: Opportunities and challenges," *Journal of Pharmacy and Bioallied Sciences* 4/3 (2012): 186-193.
- Reza, Yelvia. "Tinjauan Hukum Islam Terhadap Praktek Pemakaian Kosmetik Yang Mengandung Ekstrak Emas Bagi Kaum Laki-Laki Di R-Klinik Bengkulu". Tesis Phd., IAIN Bengkulu, 2021.
- Surendra, Atmedi, dan Tina Rostinawati. "Aplikasi Teknologi Nanopartikel dan Biosensor dalam Diagnosis Kanker." *Medical Sains: Jurnal Ilmiah Kefarmasian* 4/1 (2019): 43-50.
- Syauqi Ibrahim 'Allam, "Hukum Lelaki Memakai Rantai dari Emas atau Perak", dicapai 30 Oktober 2024, laman sesawang Dar Ifta', <https://shorturl.at/HOM1K>
- Syauqi Ibrahim 'Allam, "Hukum Memakai Jam Tangan yang Mempunyai Jarum daripada Emas Kepada Lelaki", dicapai 30 Oktober 2024, laman sesawang Dar Ifta', <https://shorturl.at/TpmlQ>
- Syeikh 'Allam Nasor, "Hukum Memakai Cermin Mata daripada Emas, dicapai 30 Oktober 2024, laman sesawang Dar Ifta', <https://shorturl.at/Z3KXU>
- Taufikurohmah, T., A. P. Wardana, S. Tjahjani, I. G. M. Sanjaya, A. Baktir, dan A. Syahrani. "The clinical test of nano gold cosmetic for recovering skin damage due to chemicals: special case," *Journal of Physics: Conference Series*, 947/1 (2018):2-4.
- Taufikurohmah, T., et al., "Clinical Test of Nanogold-Nanoseaweed Cosmetics for User Cosmetic Society," *Conference Paper Atlantis Highlights in Engineering* 1 (2018): 891-895.
- Ulfa Luthfia, "Super Mewah, Ini 5 Produk Kecantikan yang punya Kandungan Emas 24 Karat," laman sesawang *IDN Times*, dikemas kini 17 Mei 2018, diakses 28 Oktober 2022, <https://www.idntimes.com/life/women/ulfa-luthfia/produk-kecantikan-yang-punya-kandungan-emas-24-karat-c1c2?page=all>
- Venya Patel, "EU Restriction Of Specific Nanomaterials In Cosmetics Elicits Calls For Advanced Screening," dicapai 30 Oktober 2024, dikemas kini pada 15 April 2024, laman sesawang <https://www.personalcareinsights.com/news/eu-restriction-of-specific-nanomaterials-in-cosmetics-elicits-calls-for-advanced-screening.html>.

Al-Zuhaili Muhammad, *al-Fiqh al-Islami Wa Adillatuhu*, (Damsyik: Dar al-Fikr).